

# Ar-Rajhi

Sinar 22/6/12  
MS 3.

## tegakkan sistem perbankan Islam

NOOR AINULYAKIN MOHAMAD ISHAK  
noor.ainulyakin@sinarharian.com.my

Jika sebut Bank Al-Rajhi, pasti ramai yang mengetahui keunggulan bank berkenaan yang beroperasi berlandaskan syariat serta menjalankan segala urusan perbankan tanpa unsur riba di kebanyakan negara Islam seluruh dunia.

Di sebalik kejayaan bank ini, sebenarnya pengasasnya adalah seorang jutawan Arab Saudi yang berjaya mengubah hidup beliau daripada seorang rakyat miskin hingga berjaya mengumpulkan kekayaan iaitu Sulaiman Al-Rajhi atau lebih dikenali Sheikh Sulaiman.

Dalam satu wawancara yang dibuat Muhammad Al-Harbi dari Al-Eqtisadiyah Business Daily, Al-Rajhi menceritakan bagaimana beliau mampu meyakinkan ketua-ketua bank di dunia, termasuk Bank of England, hampir 30 tahun lalu, bahawa bayaran faedah adalah sesuatu yang haram bagi kedua-dua agama iaitu Islam dan Kristian, dan bank secara Islam adalah penyelesaian yang terbaik bagi menaikkan taraf ekonomi dunia.

Walaupun bergelar jutawan tetapi siapa sangka dirinya memilih untuk menjadi miskin semula dan hidup secara sederhana dengan melakukan kerja amal. Sheikh Sulaiman berkata, memang benar dirinya memilih untuk menjadi miskin semula apabila membahagikan hartanya kepada anak dan juga mendermakan selebihnya untuk menjalankan projek amal.

Menurutnya, ia bukanlah sesuatu yang aneh bagi dirinya. Kedudukan kewangannya kini telah menjadi kosong sebanyak dua kali dalam hidupnya justeru tidak menjadi masalah kepadanya. Sebaliknya perasaan gembira dan tenang menjangkit dirinya kerana dia sendiri memilih untuk berkeadaan begitu.

membahagikan kesemua harta katanya, beliau masih lagi bekerja keras untuk mendapatkan lebih derma dengan bekerjasama pelbagai agensi bagi menjayakan projek amal berkenaan.

"Secara kebiasaannya, umat Islam sering membahagikan satu per tiga ataupun suku daripada kekayaan mereka untuk bersedekah setelah mereka meninggal dunia. Namun, bagi saya, saya mahu mula bersedekah ketika saya masih hidup.

"Alhamdulillah anak bersetuju terhadap idea tersebut. Saya meminta bantuan daripada agensi yang berkaitan untuk membahagikan kesemua harta saya termasuk saham dan juga hartanah kepada anak dan juga untuk didermakan," katanya.

Sheikh Sulaiman menegaskan, bahawa terdapat beberapa faktor yang diambil sebelum melakukan sebarang pelaburan. Eksperimen yang dilakukan terhadap pertukaran wang adalah antara sebab mengapa beliau mengasaskan bank.

"Ketiaadaan bank Islam juga menjadi antara sebab mengapa saya mula mengasaskan Bank Al-Rajhi, yang kini adalah bank Islam terbesar di dunia. Saya mulakan eksperimen saya dengan membuka pejabat di Britain di mana kami mula memperkenalkan sistem perbankan Islam ke peringkat yang lebih besar.

"Eksperimen tersebut kemudiannya mula berkembang dan mula mendapat sokongan daripada golongan ulama Saudi pada ketika itu. Saya masih ingat lagi bagaimana permohonan saya untuk membuka pejabat bagi membuka

bagi Islam dan Kristian. Kebanyakan daripada mereka sanggup menyimpan wang mereka di dalam kotak di rumah daripada menyimpan di dalam bank.


### Rancarkan pelaburan

"Saya cuba untuk meyakinkan mereka bahawa (jika mereka membuka bank Islam) ini mampu menaikkan taraf ekonomi dunia. Mereka akhirnya bersetuju untuk mula membuka bank Islam.

"Saya kemudiannya mula mengembara ke serata dunia di bahagian Timur dan Barat, dan berjumpa dengan ketua bank negara di beberapa negara serta memberitahu mereka bagaimana ciri-ciri yang terdapat dalam dunia ekonomi Islam," kata Sheikh Sulaiman.

Tambah Sheikh Sulaiman, mereka mula bekerja dan mencapai kejayaan di negara Arab dan melaksanakan perbankan Islam di London, kemudiannya berjumpa dengan Mufti Besar Arab, Sheikh Abdul Aziz Baz dan Sheikh Abdullah Humaid seterusnya bersetuju dengan keputusannya.

"Mereka memuji inisiatif yang saya jalankan. Dari situlah kami mula mengusahakan Bank Al-Rajhi seperti mana yang anda dapat lihat hari ini. Bagi projek Ladang Ternakan Al-Watania pula, saya mula mendapat inspirasi untuk menjalankan projek tersebut apabila melawat ladang ternakan di luar negara.



Mendapat pengiktirafan kekayaannya.  
- Sumber Hadzrin.com

Segala  
kekayaan  
milik ALLAH  
dan perlu  
dikongsi  
bersama

usaha yang dijalankan untuk membasmi kemiskinan, Sheikh Sulaiman dipilih untuk menerima Anugerah Antarabangsa Raja Faisal atas jasa beliau kepada Islam.



"Segala kekayaan dimiliki oleh ALLAH SWT, Saya hanyalah ditugaskan untuk menjaga kekayaan tersebut. Ada beberapa sebab mengapa saya memilih untuk memilih jalan ini. Antara sebab utamanya adalah saya perlu menjaga sahabat Islam dan juga anak saya.

"Ini adalah antara perkara yang paling penting dalam hidup. Saya juga tidak suka untuk membuang masa di mahkamah hanya kerana ada antara mereka yang tidak bersetuju dengan jumlah harta yang diwariskan kepada mereka," katanya.

## Agihkan harta

Ditanya sama ada Sheikh Sulaiman mempunyai banyak masa terluang setelah

saya untuk mendapatkan lesen bagi membuka bank tidak diterima pada mulanya. Ini kerana pihak British tidak memahami apa-apa pun sistem perbankan Islam," katanya.

Kemudian Sheikh Sulaiman pergi pula ke London dan berjumpa dengan Pengurus Bank of England dan dua daripada pegawai kanannya mengatakan bahawa penggunaan faedah adalah haram

ladang ternakan di luar negara.

"Saya dapati bahawa cara mereka menyembelih adalah salah. Saya kemudiannya mengambil keputusan untuk melabur dalam bidang ternakan atas nama Islam dan negara. Saya tetap menjalankan projek tersebut walaupun membuat pelaburan dalam industri ternakan adalah sesuatu yang agak berisiko pada masa tersebut," katanya.

Bagi menghargai jasa beliau terhadap dunia Islam, termasuk mengasaskan bank Islam terbesar dunia dan juga segala



Sheikh Sulaiman berjaya membuktikan perbankan Islam berupaya meningkatkan ekonomi negara. - Sumber Internet.

